

**Penilaian Terhadap Peranan Pihak Pengurusan Kolej Kediaman Dalam
Mempertingkatkan Pembangunan Pembelajaran Pelajar : Tinjauan Di Lima Buah Kolej
Kediaman Di Universiti Teknologi Malaysia**

Lokman Bin. Mohd Tahir & Samsiha Bte Mohd Naww
Fakulti Pendidikan
Universiti Teknologi Malaysia

Abstrak : Tujuan kajian ini adalah untuk meninjau penilaian pelajar terhadap peranan pengurusan kolej kediaman dalam mempertingkatkan pembangunan pembelajaran di kolej kediaman. Kajian ini melibatkan 554 orang pelajar yang mewakili lima buah kolej kediaman di sekitar Universiti Teknologi Malaysia. Terdapat empat aspek penilaian pelajar terhadap pembangunan pembelajaran di kolej kediaman yang dilihat iaitu tanggungjawab pihak pengurusan, peranan pengetua dan felo dalam menggalakkan aktiviti, pengurusan kemudahan pembelajaran dan yang terakhir adalah kebajikan yang diberikan kepada penghuni kolej kediaman. Dapatan daripada kajian rintis menunjukkan pekali kebolehpercayaan alfa adalah 0.837. Sampel kajian ini terbatas kepada pelajar-pelajar yang menghuni di lima buah kolej kediaman yang akan dipilih secara rawak berstrata. Instrumen kajian yang digunakan ialah satu set soal selidik yang terbahagi kepada dua bahagian iaitu bahagian A melibatkan latar belakang responden dan bahagian B melibatkan maklumbalas responden terhadap aspek pernyataan kajian. Data yang diperolehi dianalisis dengan menggunakan perisian SPSS (*Statistical Package for Social Science, Version 13.0*). Data dianalisis dalam bentuk kekerapan dan peratusan. Hasil kajian menunjukkan responden memberikan maklumbalas yang sederhana terhadap peranan pihak pengurusan dalam mempertingkatkan pembangunan pembelajaran pelajar di kolej kediaman. Akhir sekali penyelidik menyarankan agar kajian dapat dijadikan panduan kepada pihak yang terlibat dalam mengenalpasti keperluan kemudahan pembelajaran yang perlu diadakan di kolej kediaman bagi meningkatkan pembelajaran pelajar di universiti.

Katakunci : peranan pengurusan kolej kediaman, pembangunan pembelajaran pelajar

Pengenalan

Universiti Teknologi Malaysia (UTM) adalah antara institusi pendidikan terbaik yang terdapat di negara ini. Universiti Teknologi Malaysia banyak menyediakan kemudahan untuk membantu para pelajar menjalankan aktiviti akademik dan bukan akademik. Misi utama universiti ialah untuk menerajui pembangunan sumber manusia dan teknologi yang kreatif sejajar dengan aspirasi negara. Universiti Teknologi Malaysia juga merupakan sebuah institusi pengajian tinggi yang menyediakan pelbagai kemudahan dan perkhidmatan yang termoden untuk kegunaan pelajar bagi meningkat pembangunan akademik dalam aktiviti pembelajaran pelajar. Pelbagai program pembangunan pelajar telah diatur dan dirancang di semua peringkat sama ada di kolej-kolej kediaman, fakulti dan universiti bertujuan untuk melahirkan pelajar yang cemerlang dalam akademik dan kemahiran generik.

Hasil kajian Zainal (2001), mendefinisikan bahawa pembangunan pelajar sebagai satu asas teori dan falsafah tentang tujuan pengajian tinggi iaitu membangun dan mewujudkan persekitaran pengajian tinggi yang menggalakkan ke arah menghasilkan pusat ilmu yang unggul dan insan yang kompeten, berinovasi serta berakhlak mulia untuk memenuhi keperluan negara dan antarabangsa. Menurutnya lagi, pengaplikasian prinsip-prinsip pembangunan manusia ke atas pelajar dalam persekitaran pengajian tinggi adalah lahir daripada proses pembangunan

pelajar. Secara tidak langsung, membawa kepada persoalan sama ada kolej kediaman menawarkan kehidupan yang boleh membantu pembangunan pelajar seperti yang ingin dicapai dalam misi Bahagian Hal Ehwal Pelajar iaitu :

Untuk membantu universiti melahirkan siswazah yang cemerlang dari segi intelektual, kepimpinan, fizikal, emosi, sosial dan rohaniah dengan memastikan mereka bersifat kompetitif, tahan lasak, inovatif, kreatif, atletik, berbudaya dan boleh menghadapi serta mengatasi cabaran-cabaran dalam memajukan diri dan negara.

Melalui pernyataan diatas, kita menyedari bahawa perkhidmatan kolej kediaman merupakan salah satu cabang Hal Ehwal Pelajar (HEP) yang mendokong misi bahawa penginapan pelajar merupakan fungsi utama di samping penyediaan kemudahan pengurusan dan penyelenggaraan kolej kediaman, perencanaan aktiviti dan pembangunan pelajar dan kakitangan universiti. Chickering (1969), telah menyatakan betapa pentingnya pengaruh dan peranan yang boleh dimainkan oleh pihak pengurusan kolej dalam aspek pembangunan pelajar di kolej kediaman.

Penyataan Masalah

Peranan pihak pentadbiran sangat penting dalam mempertingkatkan pembangunan pembelajaran pelajar, tetapi sejauh manakah keberkesanan pentadbiran kolej kediaman itu berkualiti dan bermutu tinggi serta mampu meningkatkan prestasi akademik pelajar. Mohamad Suhaimi (1994), menjelaskan bahawa potensi penginapan pelajar tidak menjadi kenyataan disebabkan kegagalan yang berpanjangan untuk melihat kolej kediaman sebagai sebahagian yang penting untuk kesempurnaan proses pendidikan.

Pernyataan diatas dikuatkan lagi melalui kajian Zainal Ariffin (1998), menyatakan kualiti kehidupan di kolej kediaman merupakan salah satu daripada lima faktor yang menyumbang kepada pembangunan pelajar seperti penginapan, kemudahan, pengurusan, aktiviti dan penglibatan. Malangnya pengurusan kolej kediaman selalunya dijalankan sebagai aktiviti pentadbiran dan kurang kepada pendekatan teori pembangunan pelajar. Adakah penghuni di setiap kolej kediaman sangat berpuas hati dengan pengurusan pentadbiran menjalankan tugasnya dengan baik. Menurut kajian Zainal (1998) lagi, persepsi umum sebeginilah yang menimbulkan persoalan tentang iklim kehidupan kolej kediaman yang kurang kondusif kepada pembangunan akademik pelajar.

Objektif Kajian

Kajian ini dirangka untuk meninjau pengurusan di lima buah kolej kediaman bagi mengenalpasti penilaian pelajar terhadap peranan pihak pentadbiran dalam aspek pengurusan mempertingkatkan pembangunan pembelajaran pelajar di kolej kediaman. Antara objektif utama kajian ini adalah :

1. Mengkaji tanggungjawab pihak pentadbiran kolej kediaman dalam meningkatkan pembangunan pembelajaran pelajar di kolej kediaman
2. Mengkaji peranan felo dan pengetua dalam menggalakkan aktiviti pelajar di kolej kediaman.
3. Mengkaji pengurusan kemudahan pembelajaran kolej kediaman bagi mempertingkatkan pembangunan pembelajaran pelajar.

4. Mengkaji kebajikan pelajar yang diuruskan oleh pihak pengurusan kolej kediaman.

Kepentingan Kajian

Hasil kajian ini sekurang-kurangnya dapat memberi sumbangan kepada hal-hal seperti berikut :

1. Pelajar : Ia mampu dijadikan sebagai satu saluran untuk para pelajar bagi mengemukakan komen dan pendapat mereka mengenai peranan pihak pentadbiran dalam aspek pengurusan asrama dalam mempertingkatkan akademik mereka.
2. Pihak Pengurusan Kolej : Kajian ini dapat membantu pembentukan hubungan dua hala yang berkesan diantara penghuni kolej kediaman dan pihak pentadbiran kolej. Dapatan kajian ini boleh dijadikan sebagai panduan asas kepada pihak kolej dalam menguruskan pembangunan pelajar.
3. Undang-undang Pengurusan Kolej : Dapatan kajian ini akan dapat melihat sama ada undang-undang pengurusan asrama di buat berasaskan untuk membangunkan pembelajaran pelajar ataupun tidak. Dimana dengan adanya undang-undang menjadikan proses pembelajaran pelajar menjadi semakin selesa dan terjamin.
4. Pihak Universiti Teknologi Malaysia : Dapatan kajian ini membolehkan pihak universiti melihat teori pembangunan pelajar dari segi akademik yang dapat dijadikan modul tertentu untuk dijadikan asas pembentukan program kolej kediaman seterusnya membentuk pembangunan akademik pelajar di universiti.

Rekabentuk Kajian

Rekabentuk kajian digunakan sebagai panduan bagi pengkaji mendapatkan data dan maklumat. Kajian tinjauan ini adalah berbentuk deskriptif dengan menggunakan kaedah kuantitatif iaitu menggunakan borang soal selidik yang diedarkan oleh pengkaji kepada pelajar yang mendiami di lima buah kolej kediaman di Universiti Teknologi Malaysia. Kajian deskriptif hanya melibatkan penerangan punca dan akibat berdasarkan data yang diperolehi. Ia biasanya digunakan oleh para penyelidik bagi membuat ringkasan pada data yang mempunyai kuantiti yang besar. Menurut Mohamad Najib (1999), disebabkan kekangan masa, kaedah soal selidik adalah paling sesuai digunakan kerana analisis datanya juga mudah dilakukan berbanding dengan kaedah pemerhatian secara langsung yang memerlukan kemahiran terlatih serta memerlukan masa yang lama.

Berdasarkan pengertian yang diberikan oleh Mohamad Majid (2000), penyelidikan deskriptif bermatlamat untuk menerokai sesuatu bidang yang belum atau kurang dikaji. Menurutnya, soal selidik lebih praktikal dan berkesan digunakan kerana penggunaannya dapat meningkatkan ketepatan dan kebenaran gerakbalas yang diberikan oleh responden. Mereka bebas menyatakan pendapat sendiri untuk menjawab setiap item yang dikemukakan. Maka soal selidik akan digunakan untuk tujuan kajian berdasarkan beberapa ulasan iaitu data dapat dikumpulkan dengan cepat dan mudah serta sesuai untuk mendapatkan gambaran sebenar, persoalan, menjimatkan masa dan perbelanjaan. Bilangan responden yang ramai dapat diadakan melalui kaedah ini bagi mengetahui penilaian pelajar berkenaan terhadap peranan pengurusan kolej kediaman dalam mempertingkatkan pembangunan pembelajaran pelajar.

Sampel Kajian

Kaedah persampelan yang digunakan pula adalah kaedah persampelan rawak berstrata. Penggunaan pensampelan berstrata menambahkan peluang kepada penyelidik mendapatkan data yang mewakili populasi dan dengan itu menambahkan ketepatan keputusan. Populasi adalah

terdiri daripada pelajar yang mendiami di lima buah kolej kediaman iaitu seramai 5539 orang pelajar. Pemilihan kolej kediaman dilakukan secara rawak iaitu berdasarkan beberapa faktor yang ingin dikaji oleh penyelidik. Langkah pertama ialah populasi dibahagikan kepada lima lapisan kumpulan iaitu yang dipilih berdasarkan pembolehubah yang berlainan seperti kolej kediaman siswa, kolej kediaman siswi, kolej kediaman siswa dan siswi, kolej terawal didirikan dan kolej yang paling baru didirikan.

Langkah kedua ialah melibatkan pemilihan sampel secara rawak mudah daripada setiap lapisan populasi yang dipilih. Pensampelan rawak mudah ialah proses cabutan dari setiap lapisan populasi pelajar yang mendiami di kolej kediaman berpeluang untuk menjadi sampel kajian. Secara rawak pelajar akan dipilih mengikut nombor bilik kediaman mereka. Melalui kaedah penomboran bilik kediaman memudahkan penyelidik memilih sampel dengan mudah dan berkesan.

Saiz sampel memainkan peranan yang besar dalam menentukan kejayaan dan kebolehpercayaan kajian penyelidik. Menurut Gay (1981), melalui jadual bilangan sampel minimum bagi jenis kajian deskriptif menyatakan bilangan sampel minimum yang diperlukan daripada populasi kajian adalah sebanyak sepuluh peratus (10%) jumlah populasi. Bermakna bagi setiap kolej kediaman yang dipilih saiz sampelnya adalah bersamaan sepuluh peratus daripada populasi kajian. Kebaikan sampel jenis rawak berlapis ialah ralat persampelan hanya timbul di dalam setiap strata dan bukan antara beberapa strata yang berbeza.

Jadual 1 : Populasi Dan Sampel Responden Kajian

| Bil. | Nama Kolej | Bilangan Keseluruhan Penghuni Kolej Kediaman | |
|------------------------|------------------------|--|------------|
| | | Populasi | Sampel |
| 1. | Kolej 17 | 700 pelajar | 70 |
| 2. | Kolej Datin Sri Endon. | 850 pelajar | 85 |
| 3. | Kolej Tun Dr Ismail | 1314 pelajar | 131 |
| 4. | Kolej Tun Fatimah | 1539 pelajar | 154 |
| 5. | Kolej 11 | 1136 pelajar | 114 |
| Jumlah populasi | | 5539 pelajar | 554 |

Sumber Pejabat Pengurusan Dan Pentadbiran Kolej Kediaman Universiti Teknologi

Malaysia (2007)

Instrumentasi Kajian

Oleh kerana penyelidik ingin melaksanakan pendekatan kuantitatif di dalam kajian ini, penyelidik memilih untuk menggunakan instrumen yang berbentuk soal selidik bagi memperolehi data-data yang diperlukan. Pemilihan instrumen berbentuk soal selidik adalah dirasakan paling sesuai kerana terdapat beberapa kelebihan dalam penggunaan kaedah ini. Menurut Best dan Khan (1985), penyelidik yang menggunakan soal selidik berpeluang untuk membina perhubungan dan menerangkan tujuan kajian yang dijalankan. Ia juga membolehkan pengkaji menggunakan sejumlah responden pada suatu masa dan ini akan menjimatkan masa dan perbelanjaan bagi kajian yang dijalankan.

Instrumen kajian adalah alat untuk mendapatkan data daripada sampel. Ianya menentukan jenis data yang diperolehi dan secara tidak langsung akan mempengaruhi jenis analisis penyelidik. Untuk itu, pengkaji boleh memilih sama ada ingin menggunakan instrumen yang sedia ada yang pernah digunakan oleh pengkaji terdahulu atau membina instrumen sendiri (Mohamad Najib Abdul Ghafar, 1999: 40). Soal selidik ini dibahagikan kepada empat bahagian, iaitu bahagian A adalah berkaitan dengan latarbelakang responden, manakala bahagian B adalah merujuk kepada tanggungjawab pihak pengurusan kolej kediaman dalam mempertingkatkan pembangunan pembelajaran pelajar. Bahagian C pula merujuk kepada peranan pengetua dan felo dalam menggalakkan aktiviti yang menjurus kepada pembangunan pembelajaran di kolej kediaman. Seterusnya bahagian D adalah berkaitan dengan pengurusan kemudahan pembelajaran di kolej kediaman dan akhir, bahagian E merujuk kepada kebajikan pelajar yang diuruskan oleh pihak pengurusan kolej kediaman. Bagi bahagian B, C, D dan E soalan-soalan yang terdapat dalam instrumen kajian ini dibina sendiri oleh penyelidik dengan merujuk kepada instrumen yang telah digunakan dalam kajian yang lepas dan kemudian direkabentuk mengikut skala Likert yang mengandungi lima nilai iaitu :

Jadual 2 : Skala Likert Bagi Jawapan Bahagian B, C, D dan E.

| JUSTIFIKASI | SINGKATAN | SKALA |
|---------------------|-----------|-------|
| Sangat Setuju | SS | 5 |
| Setuju | S | 4 |
| Kurang Setuju | KS | 3 |
| Tidak Setuju | TS | 2 |
| Sangat Tidak Setuju | STS | 1 |

Sumber Mohammad Najib (1999)

Berikut adalah penerangan bagi nilai justifikasi jawapan untuk bahagian B, C, D dan E iaitu skala yang ke lima menerangkan Sangat Setuju yang memberi maksud responden memahami sepenuhnya soalan yang diajukan dan bersetuju sepenuhnya. Maklum balas atau pilihan jawapan ini dinilai sebagai pendapat yang positif atau bersetuju. Seterusnya skala yang ke empat menerangkan Setuju yang membawa maksud responden sekadar percaya dan bersetuju dengan kenyataan yang diberikan. Pilihan jawapan itu dinilai sebagai positif atau bersetuju.

Skala yang ke tiga menjelaskan kepada Kurang Setuju membawa maksud, responden kurang setuju dengan persetujuan sendiri tetapi tidak bermakna bahawa responden tidak bersetuju dengan kenyataan yang diberi. Maklum balas ini turut dinilai sebagai positif. Seterusnya skala yang kedua menerangkan kepada Tidak Setuju iaitu membawa maksud responden memahami soalan tetapi tidak bersetuju dengan soalan atau kenyataan yang diberikan. Pilihan jawapan ini dinilai sebagai pendapat yang negatif atau tidak bersetuju dan skala terakhir ialah skala satu membawa maksud Sangat Tidak Setuju iaitu responden memahami soalan tetapi sangat tidak bersetuju dengan soalan atau kenyataan yang diberikan. Maklum balas ini dinilai sebagai pendapat yang negatif atau tidak bersetuju.

Kajian Rintis

Instrumen yang digunakan dalam kajian ini dibina oleh penyelidik sendiri dengan merujuk kepada instrumen kajian-kajian yang lepas. Sebelum mengedarkan soal selidik kepada responden, penyelidik akan membuat kajian rintis untuk menentukan kesahan dan kebolehpercayaan instrumen tersebut. Seramai 10 orang penghuni Kolej Asma di Universiti Islam Antarabangsa (UIA), telah dipilih sebagai sampel kepada kajian rintis. Penyelidik menggunakan Nilai Alfa Cronbach dalam pakej SPSS (*Statistical Package For Social Science*) untuk mengukur kebolehpercayaan instrumen kajian.

Melalui kajian rintis yang dijalankan ke atas sepuluh orang responden yang mematuhi skop kajian ini iaitu di kalangan pelajar-pelajar yang menginap di kolej kediaman universiti, di dapati bahawa koefisien kebolehpercayaan bagi setiap pembolehubah didalam dimensi persoalan kajian adalah berada pada aras sangat tinggi iaitu $\alpha = 0.837$. Berdasarkan **Lampiran A** dapat disimpulkan bahawa item-item soal selidik yang digunakan untuk mengukur setiap dimensi persoalan kajian mempunyai konsistensi dalaman yang tinggi dengan koefisien kebolehpercayaan melebihi 0.81. Mohd Majid (1994) menyatakan, pekali kebolehpercayaan yang lebih daripada 0.60 sering digunakan, sehubungan itu soal selidik dalam kajian ini telah melebihi nilai 0.60 dan melebihi nilai 0.60 dan nilai kebolehpercayaan dalam soal selidik ini boleh digunakan. Menurut Mohd Najib (1998), pekali nilai alfa untuk instrumen kajian di ukur mengikut kriteria berikut :

Jadual 3 : Klasifikasi Kekuatan Kolerasi

| Julat (+ atau -) | Kekuatan |
|------------------|----------------------------------|
| 0.0 - 0.2 | Boleh diabaikan |
| 0.21 - 0.40 | Rendah (Ubah Ke Semua Item) |
| 0.41 - 0.60 | Sederhana (Ubah Sebilangan Item) |
| 0.61 - 0.81 | Tinggi (Item Boleh Diterima) |
| 0.81 - 1.00 | Sangat tinggi |

Sumber Mohd Najib (1999)

Analisis Data

Jadual 4 : Peratusan Perbezaan Bagi lima buah kolej kediaman

| | Peratus Bagi Setiap Kolej Kediaman | | |
|----------------------------|------------------------------------|------|------|
| | S | KS | TS |
| Kolej 11 (%) | 47.5 | 29.1 | 23.8 |
| Tahap skor | S | R | R |
| Kolej Datin Seri Endon (%) | 60.8 | 20.7 | 18.2 |
| Tahap skor | T | R | R |

| | | | |
|---------------------------------|-------------|------|------|
| Kolej 17 (%) | 63.1 | 21.4 | 15.6 |
| Tahap skor | T | R | R |
| Kolej Tun Fatimah (%) | 56 | 24.9 | 19.3 |
| Tahap skor | S | R | R |
| Kolej Tun Dr. Ismail (%) | 61.3 | 25.2 | 15.3 |
| Tahap skor | T | R | R |

Berdasarkan penganalisan berdasarkan peratus pelajar yang mendiami lima buah kolej kediaman yang telah dipilih secara rawak berdasarkan beberapa aspek yang mewakili pengkelasan kategori kolej masing-masing, menunjukkan tiga daripada lima buah kolej kediaman berada pada peratus tinggi iaitu 61.7 peratus. Dapatan kajian ini membuktikan ketiga-tiga kolej kediaman tersebut bersetuju dan mempunyai pandangan yang positif terhadap peranan pihak pengurusan kolej kediaman dalam mempertingkatkan pembangunan pembelajaran pelajar. Selebihnya 38.3 peratus lagi iaitu mewakili dua buah kolej kediaman mempunyai pandangan yang sederhana terhadap peranan pihak pengurusan kolej kediaman dalam mempertingkatkan pembangunan pembelajaran pelajar di kolej kediaman.

Antara lima buah kolej kediaman, penghuni kolej 17 merupakan kolej yang paling tinggi menyokong bahawa pihak pengurusan kolej kediaman memainkan peranan dalam mempertingkatkan pembangunan pembelajaran pelajar iaitu sebanyak 63.1 peratus. Melalui maklumbalas responden yang mendiami Kolej Tun Doktor Ismail turut membuktikan bahawa peranan pihak pengurusan kolej kediaman adalah cemerlang iaitu mewakili 61.3 peratus. Seterusnya, Kolej Datin Seri Endon menunjukkan skor peratus yang tinggi iaitu mewakili 60.8 peratus yang membuktikan peranan pihak pengurusan terhadap aspek pembangunan pembelajaran pelajar di kolej kediaman adalah pada tahap yang cemerlang.

Manakala penghuni kolej 11 pula memberi maklum balas bahawa pihak pengurusan kolej kediaman kurang memainkan peranan dalam mempertingkatkan pembangunan pembelajaran pelajar dan berada pada peratus sederhana itu 47.5. Begitu juga dengan pihak pengurusan Kolej Tun Fatimah (KTF), peranan yang dimainkan oleh pihak pengurusan kolej adalah pada tahap yang sederhana iaitu mewakili 56 peratus.

Walaupun bagaimanapun, hasil dapatan analisis bagi lima buah kolej kediaman menunjukkan penilaian pelajar terhadap peranan pengurusan kolej kediaman dalam mempertingkatkan pembelajaran pelajar masih lagi pada tahap yang sederhana dan kurang memuaskan lagi. Dapatan kajian ini dibuktikan melalui hasil dapatan keseluruhan lima buah kolej kediaman seperti yang ditunjukkan melalui jadual 5.

Jadual 5 menunjukkan peratusan keseluruhan bagi lima buah kolej kediaman yang dipilih secara rawak yang mewakili pengelasan kategori kolej masing-masing. Berdasarkan jadual tersebut, hasil dapatan menunjukkan pandangan responden terhadap peranan pihak pengurusan kolej kediaman dalam mempertingkatkan pembangunan pembelajaran pelajar adalah pada tahap skor sederhana iaitu 57.2 peratus. Sungguhpun begitu, masih ada responden yang tidak dapat memberikan persetujuan mereka iaitu sebanyak 18.3 peratus manakala 24.6 peratus pula tidak dapat memberikan kepastian sama ada setuju atau tidak. Hasil dapatan keseluruhan kajian dapat memberi gambaran bahawa aspek kebajikan yang diuruskan oleh pihak pengurusan kolej memberikan maklumbalas yang tinggi iaitu 66.9 peratus menyatakan setuju, 24.6 peratus menyatakan kurang setuju dan selebihnya 12.5 peratus lagi menyatakan tidak setuju. Dapatan ini

membuktikan bahawa pihak pengurusan kolej memberikan tumpuan atau perhatian yang lebih terhadap aspek kebajikan pelajar di kolej, dimana aspek kebajikan ini dapat membantu pelajar dalam mempertingkatkan pembelajaran mereka semasa berada university

Jadual 5 : Peratusan Keseluruhan Bagi Penilaian Terhadap Peranan Pengurusan Kolej Kediaman Dalam Mempertingkatkan Pembangunan Pembelajaran Pelajar Yang Mewakili Lima Buah Kolej Kediaman Di Universiti Teknologi Malaysia

| Objektif Kajian | Keseluruhan (%) | | |
|--|-----------------|---------------|--------------|
| | Setuju | Kurang Setuju | Tidak Setuju |
| Penilaian terhadap tanggungjawab pengurusan kolej kediaman dalam mempertingkatkan pembangunan pembelajaran pelajar | 51.9 | 27.4 | 20.7 |
| Tahap skor (%) | S | R | R |
| Peranan felo dan pengetua dalam menggalakkan aktiviti yang menjurus kepada usaha mempertingkatkan pembangunan pembelajaran pelajar | 53.6 | 30.2 | 16.2 |
| Tahap skor (%) | S | R | R |
| Menguruskan kemudahan dalam mempertingkatkan pembangunan pembelajaran pelajar | 56.2 | 20.1 | 24 |
| Tahap skor (%) | S | R | R |
| Kebajikan pelajar yang diuruskan oleh pihak pengurusan dalam mempertingkatkan pembangunan pembelajaran pelajar | 66.9 | 20.5 | 12.5 |
| Tahap skor (%) | T | R | R |
| Jumlah (%) Purata | 57.2 | 24.6 | 18.3 |

Perbincangan

Berdasarkan analisis, mendapati bahawa responden bersetuju terhadap tanggungjawab pihak pengurusan kolej kediaman adalah pada tahap sederhana. Hasil dapatan ini membuktikan bahawa peranan pihak pengurusan kolej kediaman dalam melaksanakan tanggungjawabnya masih berada pada tahap yang memuaskan dan memerlukan penambahbaikan dalam proses mempertingkatkan pembangunan pembelajaran pelajar di kolej kediaman. Menurut Kamarudin Kachar (1989), mendefinisikan tanggungjawab pentadbiran yang paling relevan dalam pengurusan kolej kediaman ialah pentadbiran mempunyai tanggungjawab untuk mempengaruhi tingkahlaku ahli-ahli yang menyertai dalam sesuatu organisasi supaya matlamat-matlamat organisasi itu boleh tercapai secara berkesan serta semangat dan kepuasan ahli-ahlinya terpupuk.

Daripada hasil dapatan kajian menunjukkan responden memberikan maklumbalas yang sederhana terhadap perkhidmatan penyelenggaraan yang diberikan di bilik kediaman. Dapatan ini menunjukkan pihak pengurusan kolej kediaman kurang pantas dalam mengambil tindakan terhadap aduan pelajar. Dapatan kajian ini dikuatkan lagi melalui item yang menyatakan

kakitangan memberikan layanan yang mesra kepada pelajar menunjukkan min yang sederhana iaitu membuktikan layanan yang diberikan oleh pihak pengurusan kolej kediaman masih perlu diperbaiki dan kurang mesra yang secara tidak langsung membuktikan pelajar mempunyai masalah dalam berkomunikasi dengan pihak pengurusan dan seterusnya masalah yang ingin diselesaikan tidak dapat dibincang dengan baik dan teratur. Dapatan kajian ini disokong oleh Siti Norhaslida (2000), menyatakan responden tidak mahu terikat dengan kegiatan dan peraturan asrama, aduan kerosakan juga lambat diambil tindakan.

Secara keseluruhan pelajar memberikan maklumbalas yang sederhana terhadap peranan pengetua dan felo dalam menggalakkan aktiviti yang menjurus kepada pembangunan pembelajaran di kolej kediaman. Ini adalah kerana penilaian pelajar terhadap peranan pengetua dan felo masih lagi pada tahap sederhana dan memerlukan usaha yang terus dari pihak pengetua dan felo bagi memastikan pembangunan pembelajaran pelajar di kolej kediaman seiring dengan kehendak universiti.

Walaupun bagaimanapun, hasil dapatan kajian terhadap responden menunjukkan pengetua kolej bersikap terbuka dan sentiasa menimbangkan segala pendapat pelajar. Ini dikuatkan lagi melalui kertas kerja Abdul Razak (1996) bertajuk "Keberkesanan Pengurusan Kolej Kediaman Pelajar : Satu Perbandingan" menyatakan, pihak pengurusan kolej bertanggungjawab untuk menjaga akaun aktiviti pelajar dan kolej kediaman, menguruskan tingkahlaku pelajar, menjaga kebajikan pelajar, menjaga ketenteraman dan keselamatan pelajar serta terlibat secara langsung dalam program dan aktiviti pembangunan pelajar.

Hasil dapatan analisis dari aspek penglibatan pengetua terhadap aktiviti yang dianjurkan dalam mempertingkatkan pembangunan pembelajaran pelajar yang menyatakan mereka bersetuju bahawa pengetua bersama-sama turut menyertai dalam setiap aktiviti kolej yang telah dirancangan. Hasil dapatan kajian ini dapat disokong melalui kajian Mohd Abdul Fatta (1996), menjelaskan bahawa, dorongan oleh pihak pentadbir kolej dan felo dalam menarik minat pelajar amat penting untuk memastikan mereka terlibat secara aktif dalam aktiviti yang dijalankan. Pendekatan yang berkesan juga tidak kurang pentingnya dalam memberikan galakan kepada para pelajar supaya mengikuti program pembangunan yang telah dirancangan. Pendekatan yang perlu digunakan mungkin berbeza bergantung kepada faktor umur, pengalaman dan pengetahuan yang dimiliki oleh pelajar tersebut.

Dapatan kajian menunjukkan secara keseluruhannya responden memberikan maklumbalas yang sederhana terhadap peranan pengurusan dalam menyediakan kemudahan pembelajaran di kolej kediaman. Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa peranan pihak pengurusan kolej kediaman terhadap kemudahan pembelajaran pelajar di kolej kediaman masih lagi sederhana dan memerlukan tanggungjawab yang tinggi serta sentiasa menambahbaik akan kemudahan yang sedia ada di kolej kediaman. Dapatan kajian ini diterangkan melalui kajian Kamarudin Kachar (1989), kolej kediaman semestinya menyediakan segala kemudahan untuk meningkatkan prestasi pelajar yang bermaksud kolej kediaman hendaklah dilengkapi dengan sumber-sumber ilmu pengetahuan akademik, sumber-sumber profesionalisme, sumber-sumber pakar rujuk dan sumber-sumber pengajaran seperti pimpinan, didikan, latihan dan bimbingan. Menurut Awang (1994), pendekatan ke arah mewujudkan suasana kondusif ialah menyediakan kemudahan perpustakaan di asrama, penubuhan kelab dan persatuan, penerbitan majalah atau buletin asrama, mengadakan siri ceramah dan pengukuhan institusi felo asrama.

Kolej kediaman berfungsi untuk menjaga kebajikan mahasiswa, memberi perkhidmatan, menyediakan kemudahan dan keperluan untuk mencapai matlamat kolej. Secara kesimpulannya maklumbalas daripada responden berkenaan dengan aspek kebajikan yang disediakan dalam

proses mempertingkatkan pembangunan pembelajaran pelajar berada peratus yang tinggi, membuktikan aspek kebajikan diberi perhatian dalam usaha mempertingkatkan pembangunan pembelajaran pelajar di kolej kediaman. Dapatan ini disokong oleh kajian Noraini (2002), kebajikan pelajar yang disediakan merangkumi daripada aspek kemudahan prasarana, keselamatan, kesihatan, tempat riadah, pengangkutan, kebersihan dan sebagainya. Setiap universiti menyediakan pelbagai kemudahan untuk membantu para pelajar menjalani aktiviti akademik dan bukan akademik dengan selesa dan dalam suasana yang berkesan.

Rujukan

- Awang Had Salleh (1994). *Ucap Utama Ke Arah Kehidupan Asrama Yang Kondusif*. Kertas Kerja, Seminar Penyelidikan Asrama Peringkat Kebangsaan, Universiti Sains Malaysia.
- Azizi Yahaya Et Al. (2007). *Menguasai Penyelidikan Dalam Pendidikan*. Kuala Lumpur. PTS Profesional Publishing Sdn Bhd
- Best, J.W and Kahn, J.V. (1989). "*Research In Education*." 6th ed. New Jersey: Prentice Hall. 1-40.
- Cheng Zouh Fong. (2000). *Persepsi Dan Sikap Mahasiswi Terhadap Aktiviti Kolej Kediaman Pelajar*; Universiti Teknologi Malaysia : Kertas Projek Sarjana Muda Teknologi Serta Pendidikan (Kemahiran Hidup).
- Chickering, A.W. (1969). *Education And Identify*. San Fransisco : Jossey-Bass.
- Dahlan (1998) "*Kajian Keatas Penggunaan Internet Dan Masalahnya Dalam Bidang Pembelajaran Di Universiti Teknologi Malaysia* : Tesis Sarjana Muda.
- Gay, L.R. (1996). "*Educational Research*." 5th.ed. New Jersey : Prentice Hall.
- Hasnul Bin Salim. (2002). *Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Penglibatan Mahasiswa Dalam Program Pembangunan Di Kolej-Kolej Kediaman UTM, Skudai, Johor*; Universiti Teknologi Malaysia : Kertas Projek Sarjana Muda Teknologi Serta Pendidikan (Kemahiran Hidup).
- Hildebrand, D.K. (1986). *Statistical Thinking For Behavioral Scientist*. Boston : BWS
- Ibrahim Wahab (1991). "*Pengangkutan Bandar Di Malaysia*". Kuala Lumpur : Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Jamaluddin Bin Mohd Yatim (1996). "*Program Pembangunan Pelajar Di Kolej Kediaman : Tinjauan Di Universiti Teknologi Malaysia* ". – " Seminar Pengurusan Asrama Peringkat Kebangsaan (Spark 96)". Skudai : Universiti Teknologi Malaysia
- Khor Yan Pheng (2003). *Persepsi Pelajar Kolej Tun Hussein Onn (KTHO) Terhadap Sistem Kebajikan Yang Disediakan Oleh Pihak UTM, Skudai, Johor*; Universiti Teknologi Malaysia : Kertas Projek Sarjana Muda Teknologi Serta Pendidikan (Kemahiran Hidup).
- Mohd ezani jaafar (1998), *Tinjauan Mengenai Persepsi Pelajar Terhadap Keselesaan Iklim Persekitaran Di Kolej 6*, Universiti Teknologi Malaysia, Skudai, Johor. Projek Sarna Muda, Universiti Teknologi Malaysia
- Noraini bt. Abas .(2002). *Tinjauan tahap kepuasan pelajar siswi terhadap aspek kebajikan di kolej melawis, UTM* ; Universiti Teknologi Malaysia : Kertas Projek Sarjana Muda Sains Serta Pendidikan.
- Norazah Bte Mohd Yusoh (1998). *Difusi Penggunaan Internet Dikalangan Pelajar Institusi Pengajian Tinggi : Satu Kajian Di Universiti Teknologi Malaysia*. Universiti Teknologi Malaysia. Tesis Sarjana Muda
- Nordin Yahya (1994)- Dalam Buku : *Satu Tinjauan Terhadap Faktor Yang Mempengaruhi Penglibatan Mahasiswa Dalam Aktiviti Kolej Pelajar* . Oleh Mohd Fatta Musa (1996).